

## Isu parkir PPR tiada kesudahan



**Sharifah Salwa Syed Akil**  
 shasalwa@mediaprima.com.my

Ketiadaan ruang tempat letak kereta mencukupi di projek perumahan rakyat (PPR) dan perumahan awam sudah berlarutan sejak berpuluh tahun lalu.

Dari tahun ke tahun isu ini tiada penyelesaian, malah semakin serius. Kereta penghuni bertambah, tetapi jumlah petak parkir masih sama.

Tidak dinafikan perumahan PPR begitu padat penduduknya. Ditambah dengan kawasan lapang yang agak terhad, sudah tentulah isu parkir menjadi masalah utama.

Sejak awal menduduki PPR kira-kira 10 tahun lalu, isu berkenaan sudah wujud. Sudah ada bunyi dan rungutan penghuni ketika itu mengenai masalah ketiadaan tempat letak kereta mencukupi.

Alhamdulillah masalah itu dapat diatasi apabila tanah kosong di kawasan PPR diturap dan dijadikan tempat letak kereta. Ia memberi kelegaan seketika kepada penghuni.

Kini, isu ini kembali serius. Jumlah kenderaan semakin mele-

bihi petak parkir sedia ada. Kalau dulu mungkin satu rumah hanya memiliki sebuah kenderaan, kini ada antaranya memiliki dua atau tiga kenderaan dalam satu masa.

Bayangkan kesesakan dialami. Kita tidak boleh salahkan penghuni kerana penambahan kenderaan kerana itu mungkin milik ahli keluarga yang semakin membesar.

Teringat saya seorang sepupu yang tidak mahu berkunjung ke kediaman saya di PPR hanya kerana tidak sanggup bersusah mencari parkir pada hujung minggu. Jadi, setiap kali mahu bertemu janji, dia lebih rela berjumpa di luar, meredah kesesakan di ibu kota daripada memeningkan kepala berkunjung ke PPR saya yang sesak.

Tidak hairan ada melihat pemandangan *double parking* atau parkir bertindih sebagai biasa di PPR. Bak kata orang - PPR dengan masalah parkir begitu sinonim, tidak dapat dipisahkan.

Bagi penghuni ada yang terpaksa meletakkan kereta di bahu jalan, selain kiri dan kanan laluan. Yang sepatutnya menjadi laluan dua hala, sudahnya menjadi satu hala.

Laluan sempit menyebabkan penghuni terpaksa memberhentikan kenderaan mereka untuk memberi laluan kepada pengguna



Kereta rosak dan terbiar antara punca kekurangan tempat parkir di kawasan PPR.  
 (Foto Intan Nur Elliana Zakaria/BH)

lain. Di sinilah sikap sabar penghuni atau pemandu ditagih. Lebih tepat lagi sikap bertolak ansur. Jika ada pemandu yang tidak memiliki tahap kesabaran tinggi, sudah pasti akan berlaku pergaduhan.

Kereta dicalar, digores dengan kunci semakin biasa di PPR. Kenderaan saya sendiri pernah diletakkan di tempat letak kereta. Nak salahkan siapa? Saya pun tak pasti. Mahu tak mahu hati kita juga perlu 'sa-

do' untuk tidak meratap melihat kecacatan kekal yang dialami kenderaan kita.

Sampai bila keadaan ini perlu berterusan berlaku di PPR? Saya rasa isu ini bukan hanya berlaku di tempat saya, malah di banyak kediaman bertingkat lain khususnya PPR sekitar ibu kota.

Apa penyelesaian yang perlu dibuat? Adakah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selaku pihak bertanggungjawab tidak pernah mendengar rintihan dan adu-

an penghuninya?

Setahu saya DBKL sudah mengambil banyak langkah untuk menyelesaikan isu berkenaan. Sebagai contohnya, DBKL membina ruang parkir bertingkat di beberapa PPR atau kawasan perumahan awam yang mempunyai tanah lapang.

Antaranya di PPR Kepong, PPR Seri Mulia, PPR Raya Permai, Perumahan Awam Seri Kota dan yang terbaru di Seri Sabah 3B.

Namun DBKL agak bermasalah dengan PPR atau perumahan awam yang tidak mempunyai tanah lapang. Mahu tidak mahu, penghuninya terpaksa berhadapan masalah ini selagi mereka tinggal di kawasan perumahan itu.

Penghuni perlu terus bertolak ansur agar isu kesesakan ini dapat diatasi dengan penuh berhemah.

Bak kata pepatah, bagai meng-hela rambut dalam tepung, rambut jangan putus tepung jangan berselerak.

Maksudnya, mereka perlu menyelesaikan sesuatu perkara atau sengketa dengan seadil-adilnya sehingga kedua-dua pihak berpuas hati.

Penulis adalah penyunting Berita Harian.